

# **AKSARA KENEGARAAN NARATIF POLITIK DAN BANGSA**

**Penulis:**

KU HASNAN KU HALIM

**e-mel:**

hasnan@uthm.edu.my

**Abstrak:** Kecintaan kepada negara itu bukan hanya setakat ungkapan di bibir semata-mata, atau hanya bersifat simbolik dengan cara kaedah menghormati simbol-simbol negara iaitu pemimpin, lagu, lambang, bendera sepertimana seringkali dilakukan. Kecintaan kepada negara boleh diperlihatkan dengan pelbagai cara. Isu patriotisme sering dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri. Mudah-mudahan akan terpengaruh kebenaran dari kenyataan itu dengan bersandarkan kepada bab-bab yang bakal ditemui oleh pembaca di dalam buku kecil ini. Menulis untuk Insan, Menulis untuk Masyarakat, Menulis untuk Rakyat makanya buku kecil ini juga ditulis bertujuan untuk mengetengahkan Isu-isu yang dikira mampu untuk diangkat dalam wacana ilmiah merupakan topik semasa yang relevan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan pelajar serta masyarakat umum pelbagai peringkat yang menyintai dan kasih kepada Negara Malaysia.

**Kata Kunci:** Patriotisme, Kecintaan kepada negara, Wacana ilmiah

*Aksara*

# **KENEGARAAN**

**Naratif Politik dan Bangsa**

*KU HASNAN KU HALIM*



  
**Penerbit  
UTHM**



*Aksara*  
**KENEGARAAN**  
**Naratif Politik dan Bangsa**

• • • *KU HASNAN KU HALIM*



**Penerbit**  
**UTHM**  
**2025**

©Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis:  
Ku Hasnan bin Ku Halim

Diterbitkan dan dicetak oleh:  
Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
Tel: 07-453 8529/ 8698

Laman Web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: [pemasaran.uthm@gmail.com](mailto:pemasaran.uthm@gmail.com)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah ahli  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-142-1

ISI KANDUNGAN

|                                                                               |            |
|-------------------------------------------------------------------------------|------------|
| <i>Senarai Singkatan</i>                                                      | <i>vii</i> |
| <i>Pena Penulis</i>                                                           | <i>ix</i>  |
| <i>Prakata</i>                                                                | <i>xi</i>  |
| <br>                                                                          |            |
| Istilah Politik dalam Gerak Kerja Pembangunan                                 | 1          |
| Penglibatan Politik Proses Penentu Hala Tuju Negara                           | 23         |
| Politik Penentu Pola Pembangunan                                              | 39         |
| Pemerintah dan Institusi Perlembagaan                                         | 57         |
| Kontrak Sosial Masyarakat Majmuk di Malaysia                                  | 79         |
| Membugar Bicara Negara dan Matlamatnya                                        | 93         |
| Patriotisme dan Bangsa Malaysia; Quo Vadis di mana, ke mana dan apa akhirnya? | 125        |
| <br>                                                                          |            |
| <i>Bibliografi</i>                                                            | <i>145</i> |
| <i>Biodata Penulis</i>                                                        | <i>151</i> |
| <i>Indeks</i>                                                                 | <i>153</i> |

# PRAKATA

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t dengan taufik dan hidayah-Nya buku kecil **AKSARA KENEGARAAN: NARATIF POLITIK DAN BANGSA** telah dapat diterbitkan dengan jayanya. Buku ini ditulis dengan mengetengahkan isu-isu yang dibincangkan yang mana merupakan topik-topik yang relevan untuk dijadikan bahan bacaan masyarakat umum yang mencintai dan kasih kepada Negara Malaysia. Sebagai penulis, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak di atas sokongan dan kerjasama sama ada secara langsung ataupun tidak sehingga buku ini mampu untuk diterbitkan.

Saya ingin mengajak saudara-saudara mengimbau kembali sejarah terbentuknya masyarakat Malaysia kita hari ini, bertitik tolak dari terbentuknya sebuah Negara Malaysia yang asalnya dikenali dengan Tanah Melayu atau Malaya sebelum tercapainya kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Saya juga ingin mengajak saudara-saudara mengimbau kembali sejarah bagaimana kita rakyat Malaysia hari ini yang terdiri daripada pelbagai keturunan, menganut agama yang berlainan dan mengamalkan cara hidup yang berbeza dapat hidup bersatu padu, aman damai dan menikmati kesejahteraan, kemakmuran dan kebahagiaan hidup bersama. Jawapannya mudah tetapi ternyata tidak semudah untuk menerima hakikat yang sebenarnya sekiranya rakyat Malaysia hari ini terutamanya golongan generasi muda tidak mahu mempelajari apa lagi memahami sejarah asal usul kita. Salah satu halangan yang paling utama yang perlu diatasi bagi membolehkan kita mendapat kemerdekaan daripada penjajah

Inggeris ialah masalah perpaduan kaum dan masalah kerakyatan. Orang Melayu sebagai rakyat asal negara ini sesungguhnya amat keberatan dan tidak rela warga asing diberi hak kerakyatan terlalu mudah. Sebaliknya orang-orang Cina dan India yang tinggal di Tanah Melayu merasakan mereka juga berhak untuk menjadi rakyat negara ini. Demikianlah atas dasar dan semangat perpaduan yang kental dengan kebijaksanaan para pemimpin yang terdahulu daripada kita. Tokoh-tokoh seperti Tunku Abdul Rahman Putra, Datuk Tang Cheng Lock, Tun Sambanthan dan lain-lain telah merangka satu kesefahaman, satu permuafakatan dan satu persetujuan untuk mewujudkan Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC bagi membuktikan hasrat rakyat supaya ketiga-tiga kaum terbesar di Tanah Melayu bertolak ansur dan bekerjasama untuk melahirkan kesejahteraan dan keamanan negara.

Sikap bertolak ansur dalam kalangan semua kaum dan kesanggupan menyatakan pendirian masing-masing telah menjadi teras kepada pembentukan sebuah masyarakat yang bersatu padu seperti yang kita amalkan pada hari ini. Orang Melayu melalui UMNO bersedia menerima orang bukan Melayu daripada keturunan Cina dan India mendapatkan hak mereka menjadi warga negara yang sah dan berkongsi kuasa dalam bidang politik. Sementara itu orang-orang daripada keturunan Cina dan India dari MCA dan MIC telah bersetuju memberikan hak istimewa kepada orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi, pentadbiran dan pendidikan; menerima bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, agama Islam sebagai agama rasmi negara dan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan kebangsaan. Atas dasar inilah, atas dasar tolak ansur, persefahaman dan kerjasama inilah kita mendapat kemerdekaan tanpa titisan darah dan air mata. Kejayaan ini menggambarkan kebijaksanaan tokoh-tokoh politik kita daripada semua kaum yang sanggup berkorban demi kepentingan negara.

Walaupun persetujuan dan kesepakatan ini tidak tertulis di mana-mana tetapi inilah yang dinamakan **Kontrak Sosial** atau *Social Contract* yang mesti difahami dan dihayati oleh semua orang yang mengaku diri mereka warganegara Malaysia kalau kita mahu keamanan, kesejahteraan, kemakmuran dan kebahagiaan hidup yang kita kecapai selama ini berkekalan sehingga ke akhir zaman. Sejarah kontrak sosial inilah yang mesti didedahkan, diperturunkan, dipelajari dan dihayati oleh golongan generasi muda kita baik daripada kalangan anak-anak Melayu, Cina mahupun India supaya mereka benar-benar faham apa yang tersirat di sebalik kata-kata keramat itu. Mereka harus dimengertikan bahawa kontrak sosial inilah yang menjadi resapi kehidupan masyarakat Malaysia. Sistem inilah yang telah membawa kejayaan kepada bangsa dan negara kita. Sistem inilah yang telah mengikat kita mengikut sejarahnya sehingga membolehkan kita hidup dalam sebuah negara berbilang bangsa dalam keadaan dan suasana yang aman damai, sejahtera, makmur dan bahagia.

Saya percaya sebuah negara dan bangsa terbentuk melalui evolusi. Negara kita akan menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2030 atau mutakhir ini diulang sebut sebagai Madani. Namun kemajuan yang kita tempa itu tidak akan membawa makna apa-apa kalau kita tidak berupaya mempertahankan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran yang kita kecapai hari ini. Kalau kita semua tidak berhati-hati kemajuan yang kita harapkan itu akan hanya tinggal dalam impian kerana kita tidak berupaya mencapai kemajuan itu mengikut acuan kita sendiri tetapi mengikut acuan yang disediakan oleh orang lain. Kemajuan mestilah berteraskan kepada kontrak sosial yang telah kita sepakat. Kita harus belajar dari peristiwa sejarah yang berlaku di negara kita sendiri masa lalu dan di negara-negara lain yang penduduknya terdiri daripada berbilang kaum dan menganut berbagai agama. Ketegangan politik, persengketaan kaum, dendam diikuti dengan pertumpahan darah berlaku dan

berlarutan. Kalau keadaan ini berlaku di negara kita jangan harap kita dapat berkumpul makan bersama, bersuka ria dan berinteraksi dengan bebas, hendak keluar rumah mencari makan pun takut, apa lagi untuk bersiar-siar di jalan raya, di kompleks membeli-belah dan seumpamanya. Hidup kita akan sentiasa diselubungi dengan rasa ketakutan, kebencian, dendam yang tidak berkesudahan. Sebab itulah saudara-saudara, kontrak sosial yang telah disepakati oleh para pemimpin yang terdahulu daripada kita wajar difahami dan dihayati dengan telus dan tulus kalau kita mahukan kesejahteraan hidup rakyat berbilang kaum di negara yang kita cintai ini sentiasa terjamin.

Isu-isu seperti hak istimewa orang Melayu, agama Islam, bahasa kebangsaan, kebudayaan kebangsaan, dan seumpamanya yang boleh menyentuh sensitiviti kaum tertentu tidak seharusnya diungkit-ungkit dan diperbesar semata-mata untuk menjadi juara politik sesuatu kelompok masyarakat sehingga mengakibatkan perpecahan berlaku.

Sekali lagi saya tekankan, generasi muda baik Melayu, Cina, India atau siapa sahaja yang menjadi warganegara Malaysia perlu memahami hakikat ini. Sebarang masalah yang timbul hendaklah kita bincang bersama dan selesaikan bersama.

Akhir kata, diharapkan buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca dan diterima oleh Allah S.W.T sebagai amal jariah. Sekian.

*Ilmu bukan jaminan untuk hidup senang tapi untuk kita bina hidup bermaruah agar tidak ditindas oleh orang yang bijak pandai. Ilmu juga bukan tiket untuk meraih kemewahan tapi untuk kita jadi bangsa berdaulat agar tidak dijajah sekali lagi.*

Semua rencana yang dituliskan di dalam buku ini adalah merupakan pandangan peribadi penulis semata-mata dan tidak mewakili mana-mana pihak.

**KU HASNAN BIN KU HALIM**

# ISTILAH POLITIK DALAM GERAK KERJA PEMBANGUNAN

## PENDAHULUAN

Apakah politik itu? Sebelum menjuruskan kepada soalan ini, perlu disebut bahawa politik mempunyai makna dan tafsiran yang sangat luas dan rencam. Untuk menjawab soalan seperti ini, ia perlu memahami sedikit sebanyak konsep atau erti pelbagai unsur politik itu seperti di bawah.

**Politik:** Secara umum politik ialah yang berhubung dengan pemerintahan, atau cara-cara memperoleh kuasa di dalam semua organisasi manusia yang formal atau tidak formal seperti di dalam sebuah masyarakat kampung, desa, negeri, negara atau antarabangsa.

**Sains Politik:** Sehubungan dengan itu, sains politik ialah suatu ilmu yang berhubung dengan politik yang dikaji dengan secara sistematik berdasarkan teori-teori, ujian-ujian empirik, andaian-andaian serta juga dari pelbagai pendekatan ilmu sains sosial yang lain seperti sejarah, sosialogi, antropologi, psikologi, komunikasi, undang-undang dan sebagainya.

**Haiwan politik (*political animal*):** Menurut ahli falsafah barat, manusia dikatakan secara semula jadi mempunyai sifat-sifat keinginan kepada kekuasaan, ingin mempengaruhi orang, ingin

kepada pemilikan harta benda (ini juga terdapat dalam ayat Al-Quran yang menerangkan bahawa manusia itu sangat gemar kepada kebendaraan), ingin mengawal kawasan dan sempadan (sama seperti kebanyakan haiwan seperti kera atau binatang-bintang buas seperti gajah, harimau ataupun unggus dan burung yang mempunyai wilayah atau kediaman serta mempunyai ketua kumpulan sendiri).

Ditambah lagi manusia itu mempunyai sifat bangga diri atau yang disebut oleh Sigmund Freud sebagai ego dan super-ego. Dengan sebab itu dikatakan, jika manusia tidak dikawal dengan undang-undang dan peraturan serta dianjurkan supaya beragama, maka secara umumnya manusia akan berpolitik seperti haiwan berpolitik yang mana di samping menguasai atau dikuasai, manusia boleh bertindak sesuka hati seperti perangai binatang yang melakukan pergaduhan atau peperangan, bersifat tamak haloba atau tidak ada belas kasihan terhadap yang bukan daripada kumpulannya.

**Falsafah Politik:** berkaitan dengan sains politik, tetapi ia lebih menitikberatkan sesuatu teori atau nilai teori atau ideologi politik itu sendiri. Ini disebabkan teori atau pendapat mengenai politik itu sebetulnya banyak dan mempunyai kebaikan tersendiri. Setiap masyarakat mempunyai falsafah politik yang tersendiri hatta falsafah seseorang pemimpin atau kita biasa mendengar falsafah seseorang pemimpin atau kita biasa mendengar falsafah Socrates, Aristotle, Plato, Karl Marl Marx, Ibnu Khaldun, atau Bertrand Russell dan sebagainya. Justeru itu, lazimnya seseorang ahli falsafah akan menganjurkan sesuatu falsafah atau idea yang ia rasa lebih baik dan sempurna daripada falsafah-falsafah yang lain, sehingga jika perlu ia akan mempertahankan falsafah atau nilai-nilai falsafah itu agar diikuti oleh orang lain. Jika ramai orang mengamalkan falsafah, maka jadilah falsafah itu sebagai ideologi yang dipegang. Ideologi itu pula jika diterima oleh pemerintahan ia akan menjadi satu sistem politik yang diamalkan dalam masyarakat atau kerajaan.

# PENGLIBATAN POLITIK PROSES PENENTU HALA TUJU NEGARA

## PENDAHULUAN

Apa itu **Penyertaan Politik**? Secara umumnya, penyertaan politik ialah satu keadaan di mana rakyat membabitkan diri dalam proses-proses politik. Menurut Roberts dan Edwards dalam *A New Dictionary of Political Analysis* (1991), penyertaan politik boleh didefinisikan sebagai

*“the voluntary activity of an individual in political affairs, including, inter alia, voting; membership of and activity connected with political groups such as interest groups, political movements and parties; office holding in political institutions; the exercise of political leadership: informal activities such as taking part in political discussions, or attendance at political events such as demonstrations; attempts to persuade the authorities or members of the public to act in particular ways in relation to political goals.”*

Axford dan Rosamond (1997) mendefinisikan penyertaan politik sebagai *“the activities which are voluntary excludes forms of mass participation which are obligatory - for example, shows of symbolic support in authoritarian regimes and voting in those democracies where it is compulsory.”* Manakala Little (1976) pula

mendefinisikan penyertaan politik sebagai *“a collective political activities related to the functions performed by the formal institutions of the political system.”*

Definisi klasik penyertaan politik diberikan oleh McClosky (1968:252). Menurut beliau, penyertaan politik ialah *“those voluntary activities by which members of a society share in the selection of rulers and, directly or indirectly, in the formation of public policy.”* Manakala Burns, Schlozman dan Verba (2001) pula melanjutkan definisi penyertaan politik dengan mengatakan:

*“We cast a broad net in defining political participation and include under that rubric a variety of forms of activity in which there is the intent or consequence of influencing government action-either directly, by affecting the formulation or implementation of public policy, or indirectly, by affecting selection of public officials. Our understanding of participation encompasses activity at the local as well as the national level.”*

### **Ciri-Ciri Penyertaan Politik?**

Terdapat beberapa ciri penyertaan politik yang telah dikenal pasti oleh sarjana politik. Tianjiah Shi (2002) mengidentifikasikan lebih 28 jenis penyertaan politik yang diklasifikasikan ke dalam 7 bidang iaitu: *“voting, campaign activities, appeals, adversarial activities, cronyism, resistance, and boycotts.”* Manakala Micheletti (2001) pula menyenaraikan lebih 17 jenis penyertaan politik seperti;

*“Voting. membership in political parties and groups and act involvement therein, personal contacting (politicians, civil servant lawyers, associations, media and corporate actors), campaign act cooperative activity, demonstrations and strikes, consumer boycotts, use of labeling schemes, economic support to parties and groups, civil disobedience,*

# POLITIK PENENTU POLA PEMBANGUNAN

## PENDAHULUAN

Seperti yang sering disebut dalam dua bab yang lalu, politik adalah suatu aspek terpenting dan paling dominan dalam kehidupan manusia. Ia adalah sesuatu yang dihubungkan dengan kuasa. Politik juga adalah sumber dalam proses mewujudkan kuasa. Kuasa ialah alat atau hasil dari proses politik yang dipengaruhi (dalam bentuk pilihan raya, pelantikan terhadap seseorang atau beberapa orang) untuk menjalankan pemerintahan atau pentadbiran.

Pendek kata, tanpa kuasa orang tidak dapat menjadi ketua atau pemimpin untuk menggerakkan aktiviti pemerintahan dan pentadbiran negara. Diibaratkan di dalam sebuah jentera, politik adalah tenaga, minyak, jentera tidak bergerak menuju ke destinasi, tanpa kuasa (politik) budaya kehidupan manusia menjadi lesu, beku atau kaku dan tiada matlamat. Tanpa diwujudkan khalifah (pemimpin dan kuasa) oleh Allah di muka bumi ini, maka sunyi dan lenganglah dunia ini, tidak bermaya. Di mana-mana masyarakat hatta dalam masyarakat primitif atau dalam kelompok penyamun pun, konsep politik atau kuasa wujud. Dari situ wujud pelbagai istilah seperti ketua, pemimpin, khalifah, amir, wazir, gabenor, raja dan sebagainya untuk menjalankan kegiatan kehidupan manusia. Bayangkan

kalau manusia tidak ada orang yang berkuasa! Bayangkan kalau sebuah kampung tidak punya ketua kampung! Atau bayangkan sebuah kereta tidak mempunyai tenaga (minyak) dan jika punya tenaga tetapi tidak ada pemandu? Seperti juga sebuah negara punya politik seperti parti politik, tetapi tidak ada seseorang yang diberikan kuasa? Begitulah peri pentingnya politik dan kuasa kepada kehidupan berbudaya dan bermasyarakat.

Maka tidak menghairankan jika kita dapati banyak istilah-istilah yang memuja perkataan politik. Antaranya seperti yang diucapkan oleh Albert Einstein, seorang ahli fizik agung abad ke 20 “... *politics is harder than physics* (politik itu sangat sukar dibandingkan dengan ilmu fizik)...” Kalimat ini diucapkan setelah beliau merasa kesal yang amat sangat apabila mendapat teori realitiviti beliau yang diciptanya untuk mebuat atom, telah disalahgunakan, yang akhirnya Amerika mengebom Hiroshima dan Nagasaki semasa Perang Dunia Kedua dahulu. Inilah politik. Seorang sarjana barat mengatakan... politik adalah “*the art of possible*”, atau manusia politik diibaratkan “haiwan politik” (*political animal*).

Ada juga yang mengatakan politik sebagai taktik dan strategi untuk mendapatkan kuasa. Machiavelli, seorang ahli politik Itali zaman pertengahan dahulu menyebut... politik sebagai “*the means justify the ends*”. Lebih muluk lagi ada seorang penulis mengaitkan disiplin politik sebagai “raja segala sains”. Dengan sebab itu kita dapati bahawa banyak orang amat berminat dan memerlukan politik dan kuasa untuk memperolehi apa juga impian dan matlamat. Tanpa politik dirasakan agak sukar untuk memerintah negara, mentadbir kerajaan, wilayah atau pun menguatkuasakan hukum-hukum agama, hatta menyerang atau mencero boh wilayah orang lain juga terpaksa menggunakan kuasa politik.

# PEMERINTAH DAN INSTITUSI PERLEMBAGAAN

## PENDAHULUAN

### Hubungan antara bentuk negara dan kuasa kerajaan

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, negara merupakan pentas politik yang teragung manakala kerajaan pula ialah primadona yang menerajui negara. Perlembagaan pula ialah undang-undang asas yang menjadi panduan kerajaan dan rakyat dalam mengurus perjalanan pemerintahan sesebuah negara. Demikianlah perkaitan ringkas di antara ketiga-tiga konsep tersebut. Kerajaan merupakan pemerintah, yakni, jentera yang melaksanakan pentadbiran negara. Di dalam pemahaman hari ini, institusi kerajaan biasanya terdiri daripada tiga badan utama iaitu, badan perundangan (parlimen), badan eksekutif (presiden/perdana menteri dan kabinetnya) dan badan kehakiman (mahkamah dan hakim-hakim). Kerajaan memiliki kuasa untuk membentuk dan melaksanakan keputusan, dasar-dasar dan tindakan-tindakan atas nama negara. Cara mana sesebuah kerajaan memperolehi kuasa tersebut dan bagaimanakah kuasa tersebut digunakan dapat membezakan sesebuah negara dengan negara yang lain dari segi sistem yang diamalkannya.

Kerajaan yang baik boleh menukar sesebuah negara yang miskin dan yang tidak memiliki sumber-sumber alam yang kaya menjadi sebuah negara yang berdaya, maju dan dapat bersaing dengan negara-negara yang lain. Namun, kerajaan yang lemah dan tidak cekap boleh membawa negara yang kaya menjadi muflis dan hilang daya saing. Justeru itulah imej kerajaan sentiasa dikaitkan dengan imej sesebuah negara. Sebagai jentera yang mentadbirkan negara, nasib dan masa depan sesebuah negara banyak ditentukan oleh peranan kerajaan yang memerintah. Namun, seperti yang disebutkan sebelum ini, kerajaan satu-satunya unsur yang paling tidak kekal di antara semua unsur-unsur negara. Kerajaan boleh datang dan pergi malah hilang terus dari sejarah, tetapi negara akan terus kekal wujud, kecuali ia telah ditakluki lalu diserapkan sebagai sebahagian daripada negara yang menaklukinya, atau ia secara pilihan bergabung dengan negara yang lain. Atas nama mempertahankan matlamat dan aspirasi negara, dengan itu mempunyai monopoli dalam penggunaan kekerasan yang sah. Matlamat, aspirasi dan arah tuju sesebuah negara biasanya dimaktubkan di dalam undang-undang tubuh yang dimaksudkan ini ialah perlembagaan negara. Dalam perkembangan politik dan kenegaraan hari ini, pada umumnya kita dapat membahagikan negara-negara kepada dua jenis atau dua bentuk negara. Klasifikasi yang dimaksudkan itu ialah negara persekutuan (*federal state*) dan negara kesatuan (*unitary state*). Adalah penting untuk memahami tentang klasifikasi negara atau bentuknya kerana ia akan menentukan bentuk kuasa dan perlembagaan yang wujud dan diamalkan di negara berkenaan.

Faktor sejarah adalah faktor penting yang mempengaruhi kelahiran sesebuah negara sama ada sebagai sebuah negara persekutuan atau negara kesatuan. Negara-negara yang diklasifikasikan sebagai negara-negara persekutuan ialah Amerika syarikat, Malaysia, India, dan Brazil. Manakala contoh negara-negara kesatuan ialah United Kingdom, Jepun, Thailand, Perancis, China, Indonesia dan New Zealand.

# KONTRAK SOSIAL MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

## Pengenalan

Kontrak sosial adalah satu idea yang dikemukakan oleh Plato, seorang ahli falsafah Greek lebih 2500 tahun yang lalu melalui tulisannya *Republic*. Konsep ini kemudiannya dikembangkan oleh ahli-ahli falsafah terkemudian seperti Huge Grotius, Kant, John Locke, Jean-Jacques Rousseau dan Thomas Hobbes. Mereka membahaskan tentang perlunya diwujudkan kontrak sosial antara pemerintah dengan rakyat berasaskan kepada premis bahawa kuasa terletak pada rakyat.

Dalam hubungan ini, **Wikipedia** memberi pengertian bahawa kontrak sosial merupakan istilah yang digunakan dalam bidang falsafah, sains politik dan sosiologi bagi menjelaskan wujudnya persetujuan bersama secara sukarela dalam kalangan rakyat sesebuah negara berkaitan hak dan tanggungjawab mereka sebagai rakyat. Dalam konteks Malaysia, kontrak sosial merujuk kepada perjanjian yang dibuat oleh para pengasas kemerdekaan negara dalam penggubalan Perlembagaan Persekutuan 1957. Selanjutnya Wikipedia mengatakan bahawa "*social contract usually refers to the quid pro quo trade-off through Articles 14 18 of the Constitution pertaining to the granting of citizenship to the non-Malay people of Malaysia, and Article 153, which grants the Malays special rights and privileges.*"

Mengikut **The American Heritage Dictionary of the English Language**: Fourth Edition, Tahun 2000, kontrak sosial berkait rapat dengan soal moral. Menurutnya, kontrak sosial adalah *“morality consists in the set of rules governing how people are to treat one another, that rational people will agree to accept, for their mutual benefit, on the condition that others follow those rules as well, based on four features of the human condition: equality of need, scarcity, the essential equality of human power, and limited altruism.”*

Dalam masyarakat Melayu, pernah dikisahkan dalam **Sejarah Melayu** (Sulalatus Salatin) hasil tulisan Tun Seri Lanang pada tahun 1612 tentang wujudnya perjanjian yang bersifat semacam kontrak sosial antara raja dan rakyat yang diwakili oleh Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun. Dalam kontrak itu ditegaskan betapa perlunya rakyat patuh kepada raja selagi raja berlaku adil. Tetapi dalam sejarah tamadun Melayu, ada beberapa peristiwa yang menunjukkan kontrak sosial itu tergugat oleh cabaran-cabaran semasa seperti yang digambarkan dalam kisah pertikaman Hang Tuah dan Hang Jebat, kisah pembunuhan keluarga Bendahara Tun Mutahir, kisah Sultan Mahmud mangkat dijulang dan sebagainya. Dalam hubungan ini, Laksamana Megat Seri Rama yang membunuh Sultan Mahmud di Kota Tinggi dikatakan mengungkapkan kata-kata “Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah” sebagai petunjuk bahawa kontrak sosial itu berhadapan dengan cabaran. Dalam sistem demokrasi moden, kontrak sosial diungkapkan melalui pilihan raya. Pilihan raya merupakan satu daripada ciri-ciri penting dalam amalan sistem demokrasi berparlimen. Pilihan raya di Malaysia diadakan setiap lima tahun bagi pemerintah menyerahkan kembali kuasa kepada rakyat. Untuk memperoleh semula kuasa, pemerintah perlu mendapat mandat baru daripada rakyat melalui proses pengundian sulit oleh mereka yang layak mengundi. Siapa yang mendapat kepercayaan rakyat melalui undi sulit itulah yang akan memerintah dalam tempoh yang ditetapkan.

# MEMBUGAR BICARA NEGARA DAN MATLAMATNYA

## PENDAHULUAN

Pembinaan negara-bangsa (*nation-building*) merupakan suatu proses yang berterusan melibatkan negara Dunia Pertama dan negara Dunia yang Ketiga. Ia merupakan sebahagian daripada proses pembentukan negara-bangsa (*formation nation-states*) dan perkara utama yang ditekankan ialah kerakyatan, kebudayaan, kebangsaan, bahasa dan pendidikan. Pembinaan negara-bangsa merujuk kepada proses melahirkan satu komuniti politik yang bersatu padu tanpa mengira bangsa ataupun etnik, yang dipertautkan melalui perkongsian wilayah bersama, ekonomi bersama dan mempunyai unsur-unsur subjektif bersama yang merangkumi bahasa, budaya dan nama yang dikongsi. Setiap komuniti etnik sama-sama mengarahkan ketaatan mereka terhadap negara yang didiami melebihi daripada ketaatan terhadap puak masing-masing.

Perkataan pembinaan negara-bangsa diterjemahkan daripada bahasa Inggeris iaitu *nation-building* manakala perkataan *nation* pula boleh diketengahkan dengan pelbagai maksud bergantung pada hala tuju kajian. Ada sarjana menterjemahkannya sebagai *nasion* yang mempunyai pengertian sama dengan *nation* dalam bahasa Inggeris yang merujuk kepada komuniti etnik

berdasarkan ciri-ciri budaya, ataupun suatu komuniti politik yang terbentuk dalam sejarah dan dipertautkan melalui perkongsian wilayah, ekonomi dan rukun teras peradaban. Oleh itu, anggotanya berasaskan mereka adalah sepunya kerana berkongsi rukun teras dan destinasi yang serupa. *Nation* juga boleh diterjemahkan sebagai bangsa. Ia juga dimaksudkan sebagai negara yang merujuk kepada satu kompleks kekuasaan yang mempunyai kuasa ke atas masyarakat dalam wilayah tertentu dan berhak untuk menggunakan kekerasan ke atas mereka. Walaupun pelbagai maksud diketengahkan, namun kesemuanya menjurus ke arah satu matlamat iaitu penglibatan pelbagai komuniti etnik ke arah pembinaan negara-bangsa.

Dalam tulisan ini, istilah *nation* diterjemahkan sebagai negara dan bangsa, kedua-dua istilah ini akan diguna pakai kerana maksudnya saling berkait rapat antara satu sama lain, iaitu dalam *nation* wujud komuniti orang ramai ataupun bangsa dan *nation* pula gagal berfungsi tanpa adanya negara. Oleh itu, definisi *nation* sebagai negara akan diguna ketika merujuk wilayah tertentu yang menjadi tapak pembinaan sesebuah negara-bangsa. Istilah *nation* sebagai bangsa akan tertonjol ketika isu kesatuan komuniti etnik disentuh dalam pengukuhan pembinaan bangsa baru (*new nation*).

### **Matlamat dan Proses Pembinaan Negara-Bangsa**

Matlamat utama pembinaan negara-bangsa sama ada dalam masyarakat sebangsa ataupun majmuk ialah untuk memupuk kesatuan antara anggota masyarakat membangunkan negara yang didiami. Komuniti etniknya mesti bersedia menerima suatu konsep bangsa baru yang melibatkan penstrukturan sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya masyarakat yang sedia ada untuk disesuaikan dengan suasana negara baru dan kehendak kerajaan bagi menyusun semula kedudukan masyarakat ke arah lebih maju dan peradaban. Usaha memupuk rasa sepunya antara komuniti

# **PATRIOTISME DAN BANGSA MALAYSIA; QUO VADIS DI MANA KE MANA DAN APA AKHIRANNYA**

## **PENDAHULUAN**

Kita sebenarnya tidak dapat memisahkan isu pembentukan Bangsa Malaysia dengan persoalan pemupukan patriotisme dalam kalangan pelbagai kelompok etnik yang wujud di Malaysia. Walaupun landskap sosio-ekonomi negara telah jauh berubah sejak kita merdeka, namun hakikatnya akibat kerencaman dan kemajmukan masyarakat Malaysia. Maka isu dan persoalan pembentukan Bangsa Malaysia dan gagasan patriotisme nasional itu menjadi dua perkara penting dalam agenda nasional negara ini yang masih ‘terbengkalai’. Justeru itu, memahami serta mendalam semua fenomena berkaitan yang menyelubungi kerumitan proses pembentukan Bangsa Malaysia dipercayai akan membantu kita melihat isu-isu dan persoalan-persoalan penting di sekitar gagasan patriotisme di Malaysia dengan perspektif yang lebih terarah dan jelas. Tulisan ini cuba mengungkapkan apakah sebenarnya kerumitan besar yang dihadapi oleh projek pembentukan Bangsa Malaysia ini. Maka, beberapa isu besar nasional yang telah dan masih menodai agenda negara cuba diungkapkan dalam kerangka kerumitan projek nasional tersebut. Justeru, persoalan akhir yang cuba dikemukakan ialah, di mana kita sebenarnya: dan ke manakah mungkin kita akhirnya dalam meniti jalur-jalur gagasan patriotisme nasional. Mungkinkah gagasan patriotisme

nasional berupaya membantu kita merentasi segala kerumitan yang wujud dalam projek pembentukan bangsa di Malaysia.

Gagasan patriotisme dan projek pembentukan Bangsa Malaysia mempunyai kaitan yang sangat rapat antara satu sama lain. Tahap patriotisme tinggi yang berupaya dilahirkan dalam kalangan rakyat mampu memudahkan usaha menjalankan projek Bangsa Malaysia seperti mana yang terkandung di dalam Wawasan 2030 disebabkan projek pembentukan bangsa (*nation-building*) sangat rapat kaitannya dengan ideologi nasionalisme, manakala patriotisme dan nasionalisme pula mempunyai kaitannya dengan ideologi yang tersendiri, maka kedua-dua konsep ini harus dijelaskan dahulu maksudnya. Tulisan ini cuba untuk melihat kaitan gagasan patriotisme dengan projek pembentukan Bangsa Malaysia. Kerumitan yang dihadapi dalam menjayakan projek pembentukan bangsa di Malaysia perlu diuraikan secara jelas susur galurnya sebelum kita dapat melihat bagaimanakah gagasan patriotisme nasional dapat dikembangkan dalam kalangan rakyat di negara ini. Ringkasnya perbincangan tulisan ini cuba untuk membawa kita melihat di mana kita berada dan ke mana kita akhirnya dalam menjayakan gagasan patriotisme nasional.

### **Konsep Patriotisme dan Nasional**

Patriotisme adalah satu sentimen pendek yang menekankan kepada aspek kesetiaan dan kecintaan yang mendalam kepada negara. Dalam mempertahankan kedaulatan negara serta kesanggupan untuk berjuang bergadai nyawa mempertahankan negara memperlihatkan tahap patriotisme tertinggi yang boleh wujud pada diri seseorang warganegara. Oleh itu, kaitan konsep patriotisme dengan konsep nasionalisme adalah sangat rapat. Justeru itu, patriotisme juga sering dirujuk sebagai 'nasionalisme rasmi' (official nationalism) bagi sesebuah negara (Kellas, 1991). Atas dasar inilah sering kali kita mendapati

## Bibliografi

- (1996b). 'Debating about Identity in Malaysia: A Discourse Analysis, in Zawawi Ib-rahim (ed.), Mediating Identities in a Changing Malaysia,' Special Issue, Southeast Asian Stud-ies (Kyoto University), Vol.34. No.3.
- "Mahathir Mohamad Achieving True Globalization" Interview and composition by dr kohei hash-imoto
- Abd. Aziz Hitam; Wan Azaham Wan Mohamad. (1988). Sejarah Indonesia Abad Ke dua
- Abd. Manaf Haji Ahmad. (2019). Kontrak Sosial, Utusan Publications., Kuala Lumpur.
- Abdul Aziz Bari. (1999). "Institusi Ketua Negara, Ketua Negeri dan Majlis Raja-Raja" dalam Ah-mad Ibrahim et al, Perkembangan Undang-Undang Perlembagaan, Kuala Lumpur: Dewan Ba-hasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Bari. (2001), Perlembagaan Malaysia: Asas dan Masalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Abdul Aziz Bari. (2002). Cabinet Principles in Malaysia: The Law and Practice, Edisi Kedua, The Other Press, Kuala Lumpur.
- Abdul Aziz Bari. (2002). Majlis Raja-Raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan, De-wan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur,
- Abdul Aziz Bari. (2003). Malaysian Constitution: A Critical Introduction, The Other Press, Kuala Lumpur.
- Abdul Aziz Bari. (2005). Islam dalam Perlembagaan Malaysia, Intel Multimedia & Publication, Petaling Jaya.

- Abdul Aziz Bari. (2006). Politik Perlembagaan, Institut Kajian Dasar & Konrad Adenauer Foundation, Kuala Lumpur.
- Abdul Aziz Bari. (2008 ). Perlembagaan Malaysia: Teori dan Praktis, Arah Pendidikan Publications, Shah Alam.
- Abdul Razak Baginda & Peter Schier, Is Malaysia an Islamic State? Secularism and Theocracy – A Study of the Malaysian Constitution, Malaysia Strategic Research Centre & Konrad-Adenauer-Foundation, Kuala Lumpur, tt.
- Abdul Razak Baginda (Ed.). (2009). Governing Malaysia, Malaysian Strategic Reserach Centre, Kuala Lumpur,
- Abu Hassan Adam, 1993. Menghadapi Cabaran Wawasan Pendidikan. Kuala Lumpur: Leeds Publication
- Ahmad Fawzi Basri. (1992).’ The United MalaysNational Organization (UMNO) 1981-1991 : A Study of the Mechanics of a Changing Political Culture’. Tesis Ph.D tidak diterbitkan, Centre for Southeast Asian Studies, The University of Hull.
- Ahmad Marzuki Ismail. (2008). Keluhuran Perlembagaan.Shah Alam:Eagle Publication Sdn.Bhd.
- Anuar bin Rafie, Salehah Abdull Hak. (2007). Rukun Negara. Kuala Lumpur: Jabatan Pen-erangan Malaysia
- Ariffin Omar. (1999). Revolusi Indonesia Dan Bangsa Melayu. Penerbit Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang
- Artikel: Malaya Merdeka, 26 April 1956
- Ashadi Siregar. Media Tradisional: Potensi dan Tentangan Sebagai Saluran Diseminasi Informa-si.
- Bernard H.M Vlekke. (2008). Nusantara Sejarah Indonesia. Jakarta: KPG (Kepustakaan Populer Gramedia)

- bekerjasama dengan Freedom Institute dan Balai
- Brown, David. (1999). 'Are the good and bad nationalism' , Nations and Nationalism. Vol.5, April 1999
- Dahlia Ismail. (2009). 1 Malaysia, bersediakah kita?. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Detik Sejarah Rundingan Baling. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors. Sdn. Bhd
- H Kosky Zakaria. (2007). Media Dan Politik. WASPADA Online.
- Hamed Mohd Adnan. (2006). Media di Malaysia Mendukung Citra Bangsa. Universiti Ma-laya. Kuala Lumpur.
- Hasmah Zainuddin dan Yuana King. (2006). Peranan Akhbar dan Maklum Balas Sosial : Berita Jenayah Akhbar Harian Metro dalam Media di Malaysia Mendukung Citra Bangsa. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Indrawan Muhammad Yatim. (2008). "Mengangkasa Revolusi Melayu Dan Orde Dunia Baru"
- Ishak bin Saat. (2005). Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia. Penerbit Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Ishak Saat. (2009). Pendidikan Negara Bangsa Malaysia. Penerbit Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Jayum A Jawan. (2007). Malaysian Politics & Government, Cetakan Keempat, Karisma Publications, Shah Alam.
- Kellas, James G. (1991). The politics of nationalism and ethnicity. London: The Macmillan Press Ltd.
- Khoo Kay Kim. (1985). Sejarah Masyarakat Melayu Moden. Jabatan Sejarah Universiti Malaysia. Kuala Lumpur

- Lee Lam Thye ,“Nasionalisme Humanis” Disunting Oleh: Abu Talib Ahmad, Cheah Boon Kheng, “Isu-Isu Pensejaraan”
- Leo Suryadinata (ed.) (1997). *Ethnic Chinese as Southeast Asians*. ISEAS: Singapore.
- Mahyuddin Ahmad. *Isu dan cabaran media di Malaysia, kajian filem:kemana arahnya?*.
- Mansor Ahmad Saman. (1996). *Ledakan Media Elektronik dalam Peranan Media Dalam Masyarakat Moden*. Dewan Bahasa dan Pustaka.Kuala Lumpur.
- Mazilan Musa. (2005). *Etika dan Integriti di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia
- Md Sidin Ahmad Ishak. (2006). *Etika Dalam Komunikasi Media : Pengenalan dan Persoalan da-lam Media di Malaysia Mendukung Citra Bangsa*. Universiti Malaya. Kuala.
- Mohamad Idris Saleh, Che su Mustaffa dan Fuziah Shaffie “Sejarah Pembangunan Bangsa Dan Negara”
- Mohamad Idris Saleh; Che Su Mustaffa; Fuziah Shaffie. (1994). *Sejarah pembangunan bangsa dan Negara Kuala Lumpur : Utusan Publications Distributors Sdn Bhd*
- Mohamed Mustafa Ishak. (1999). ‘From plural society to Bangsa Malaysia: Ethnicity and na-tionalism in the politics of nation building in Malaysia’, Tesis PhD tidak diterbitkan, University of Leeds, England.
- Mohd Ashraf Ibrahim. (2006). “Gagasan Bangsa Malayan Yang Bersatu”
- Mohd Fauzi Yunus. (2001). *Pengajian Malaysia*. Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd

Mohd khairi Wan Ali(2009). Peranan Media dalam Pembangunan Negara

Mohd Najib Tun Abdul Razak. (2009). Jabatan Perdana Menteri, Portal 1 Malaysia.

Mohd Sufian Bin Hashim. (2000). Mengenal Perlembagaan Persekutuan. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.. "Media Massa", (atas talian) 22 Ogos 2009,<http://www.angelfire.com>

Mok Soon Sang. (1993). Pendidikan di Malaysia.Kuala Lumpur: Penerbitan Kumpulan Budiman Sdn. Bhd

Nor Azuwan Yaakob. (2008). Retorik Kewartawanan Melayu Akhbar Berita Harian. Dewan Ba-hasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Puluh.Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur

Ratnam, K.L. (1965). Communalism and Political Process in Malaysia. Kuala Lumpur: Universi-ty of Malaya Press.

Rustam A. Sani. (2003). Melayu baru dan Bangsa Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor Sdn. Bhd.

Shamsul AB. (1996a). 'Nation-of-Intent in Malaysia', dlm, Stein Tonnesson and Hans Antloev (eds.), Asian Forms of the Nation, London: Curzon Press.

Shamsul Amri Baharuddin. (2007). Modul Hubungan Etnik. Maskha Sdn.Bhd Senu Abdul Rah-man, "Revolusi Mental"

Sofyardi Rahmat. (2007). Media dan Politik (Sebuah Catatan). Milis KAMMI

Sufean Hussin. (1996). Pendidikan di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah, Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur

Ting Chew Peh. (1997). Konsep Asas Sosiologi. Penerbit Dewan  
Bahasa Dan Pustaka Kuala

# Aksara

# KENEGARAAN

## Naratif Politik dan Bangsa

Kecintaan kepada negara itu bukan hanya setakat ungkapan di bibir semata-mata, atau hanya bersifat simbolik dengan cara kaedah menghormati simbol-simbol negara iaitu pemimpin, lagu, lambang, bendera sepertimana seringkali dilakukan. Kecintaan kepada negara boleh diperlihatkan dengan pelbagai cara. Isu patriotisme sering dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri. Mudah-mudahan akan terpancar kebenaran dari kenyataan itu dengan bersandarkan kepada bab-bab yang bakal ditemui oleh pembaca di dalam buku kecil ini. Menulis untuk Insan, Menulis untuk Masyarakat, Menulis untuk Rakyat makanya buku kecil ini juga ditulis bertujuan untuk mengetengahkan isu-isu yang dikira mampu untuk diangkat dalam wacana ilmiah merupakan topik semasa yang relevan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan pelajar serta masyarakat umum pelbagai peringkat yang menyintai dan kasih kepada Negara Malaysia.

### BIODATA PENULIS



**KU HASNAN BIN KU HALIM** merupakan anak kelahiran Langkawi, Kedah Darul Aman. Beliau berpengalaman di dalam bidang pendidikan sejak tahun 2000. Pernah bertugas sebagai Guru di Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Berkelulusan di dalam bidang Sarjana Sains Politik. Beliau sedang menyiapkan Tesis Pengajian Doktor Falsafahnya (Ph.D) di dalam Bidang Sosiologi Politik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Merupakan Pensyarah Kanan semenjak tahun 2012 di Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum UTHM.

Pernah terbabit sebagai Penceramah Berkala Jemputan untuk bidang Politik dan Kenegaraan serta bidang Integriti serta isu Keselamatan Negara di bawah Biro Tatanegara (BTN) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) kepada agensi agensi serta badan berkanun kerajaan. Beliau juga merupakan Ahli Bertauliah AKRAB Malaysia peringkat Kebangsaan. Pernah terlibat sebagai Penceramah Jemputan untuk Program Latihan Khidmat Negara Kementerian Pertahanan Malaysia. Beliau juga pernah muncul di kaca TV seperti Rancangan Bual Bicara BERNAMA, Rancangan Ruangan Pendapat Astro Awani dan Tetamu Jemputan Astro Oasis. Agak kerap juga menulis di surat Khabar Berita Harian, Utusan Malaysia dan Sinar Harian.



**PENERBIT  
UTHM**

